

Mungkin 10 Julai Hussein bersara bulan depan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Hussein Onn hari ini mengumumkan beliau akan meletakkan jawatan bulan depan.

Bercakap kepada Berita Harian sewaktu jamuan teh di Perhimpunan Agung UMNO petang ini selepas pengujaan undi, beliau berkata: "Saya akan bersara Julai ini dan kemungkinannya pada 10 haribulan."

Bagaimanapun, beliau memberitahu, perkara tersebut akan dirundingkan terlebih dahulu dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO Malaysia yang baru.

Beliau berkata, selepas bersara, beliau akan berehat beberapa bulan, sebelum membuat rancangan masa depan.

"Saya akan berehat dahulu untuk beberapa bulan sebelum memutuskan rancangan masa depan saya."

Tak pecah

"Ini disebabkan saya merasa letih dan kurang sihat disebabkan pembedahan tempoh hari."

"Insya Allah, saya akan sembuh dari masa ke semasa kerana banyak beristirahat," kata beliau.

Mengenai pemilihan Timbalan Presiden, Datuk Hussein mencadangkan supaya calon yang kalah terus berkhidmat kepada parti untuk kepentingan bangsa, agama dan negara.

"Saya membuat cadangan ini memandangkan kedua tokoh berkenaan iaitu Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam, masih muda lagi dan boleh memberi sumbangan lebih besar kepada parti."

"Calon yang kalah tidak sepatutnya me-

ninggalkan parti atau Kabinet," ujar beliau.

Bagaimanapun, tegas beliau: "Itu hanya cadangan saya tetapi keputusannya terletak kepada tuan punya badan sendiri."

"Kalau saya mencadangkan itu atau ini, tetapi mereka enggan mengikutinya, tentulah tidak bermakna, maka terpulanglah kepada mereka untuk memutuskannya," tambahnya lagi.

Datuk Hussein menyatakan UMNO tidak akan berpecah disebabkan pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden tersebut.

"Saya terutama sekali tidak setuju jika ada orang mengatakan bahawa pertandingan tersebut akan menyebabkan parti UMNO berpecah atau tidak bersatu padu."

"Kalau adapun, katanya, perselisihan tersebut hanya berlaku sekejap sahaja dan kemudian ahli-ahli UMNO akan bersatu semula."

Ini sudah menjadi tradisi UMNO yang mana mereka menghormati keputusan majoriti sejajar dengan konsep demokrasi yang dipegang oleh UMNO sendiri, tegas beliau.

Datuk Hussein yang kelihatan riang dan gemar berseloroh, yakin bahawa UMNO tetap kuat dan kukuh di bawah pimpinan baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri

No. Penerbitan